

# Syor 3 petunjuk perlu dicapai jika mahu kaji semula PKP 3.0

● Angka jangkitan harian di bawah 1,000 kes

● Jumlah pesakit masuk/keluar ICU

● Tahap vaksinasi 60 peratus daripada populasi

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penilaian semula pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 hanya sesuai dilakukan apabila angka jangkitan harian COVID-19 berada di bawah 1,000 kes.

Ia antara tiga angka petunjuk yang disyorkan beberapa

pakar kesihatan jika kerajaan mahu mengkaji semula pelaksanaan PKP 3.0 atau melonggarkan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Dua lagi adalah bilangan pesakit yang masuk dan keluar daripada Unit Rawatan Rapi (ICU) serta tahap vaksinasi negara perlu mencapai sehingga 60 peratus daripada populasi.

Meréka menegaskan jika PKP 3.0 ditamatkan tanpa men-

gambil kira tiga angka petunjuk penting itu, negara boleh terdedah semula kepada gelombang penularan baharu pandemik.

Pakar kesihatan awam, Dr Hanafiah Bashirun, berkata kajian semula pelaksanaan PKP hanya sesuai dilakukan apabila kadar kebolehjangkitan (Rt) COVID-19 berada pada tahap bawah 0.7.

"Kerajaan diminta jangan terburu-buru menilai semula

pelaksanaan PKP tanpa mengambil kira parameter signifikan bagi menentukan kebolehlaksanaannya.

"Apa yang kita bimbang kes boleh meningkat semula dan mencecah 7,000 hingga 8,000 sehari jika PKP dilonggarkan tanpa mengambil kira angka petunjuk berkenaan," katanya kepada *BH*, semalam.

Nasional 2

Jari Muka 1

Kelmarin, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kerajaan akan menilai semula pelaksanaan sekatan pergerakan penuh atau PKP 3.0 jika jumlah jangkitan harian COVID-19 negara mencapai angka bawah 4,000 kes.

Beliau berkata, perkara itu ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi memastikan risiko jangkitan harian seluruh negara dapat diturunkan.

Bagaimanapun, tegasnya ia bukan bermakna PKP 3.0 ditamatkan tetapi mengkaji semula dari segi pelaksanaan SOP sama ada boleh dilonggarkan sedikit selepas KKM membuat penilaian risiko.

Mengulas lanjut, Dr Hanafiah berkata, tindakan yang terburu-buru boleh memberi implikasi besar kepada sistem kesihatan negara yang akhirnya memerlukan tempoh PKP dilanjutkan tanpa berkesudahan.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan juga perlu melihat kepada kapasiti penggunaan katil di ICU, selain kadar penggunaan, ventilator sedia ada perlu dikurangkan kepada antara 30 hingga 40 peratus.

Mengenai angka sasaran di bawah 4,000 kes harian bagi penilaian semula PKP 3.0, Dr Hanafiah menyifatkan, ia masih tinggi selain nilai Rt semasa juga masih pada tahap 0.9.

"Kita boleh anggarkan negara mungkin akan kembali mencatatkan hingga 8,000 kes sehari, mirip trend peningkatan ketika sambutan Aidilfitri sebelum ini jika pelaksanaan PKP 3.0 dilonggarkan berdasarkan angka berkenaan," katanya.

Menyokong syor sama, pakar epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmad Zaid Fattah Azman berkata, paling utama kerajaan perlu melihat kepada kapasiti penggunaan katil di ICU serta bilangan pesakit COVID-19 yang dimasukkan

dan yang dibenarkan pulang dari wad sebelum menilai semula pelaksanaan PKP 3.0.

Sehubungan itu, beliau berharap kerajaan dan KKM menerangkan angka sasaran tertentu yang ditetapkan supaya semua pihak mendapat gambaran jelas mengenainya.

"Bagi saya, kelonggaran perjalanan rentas daerah dilihat sesuai diberikan kepada orang ramai sekiranya kadar vaksinasi negara mencapai 60 peratus, manakala nilai Rt COVID-19 pada paras di bawah 0.9.

"Tapi kerajaan perlu membuat analisis risiko yang diseimbangkan dengan faktor kesihatan dan ekonomi bagi memastikan wujud simbiosis sihat bagi masa depan negara.

"Kerajaan boleh mula dengan memberi kelonggaran bagi perjalanan rentas daerah hingga ia

dapat diuruskan dengan baik dan pematuhan SOP di tahap yang tinggi.

"Kemudian, barulah kerajaan beransur-ansur mempertingkatkan kelonggaran bagi perjalanan rentas negeri dengan mengambil kira parameter lain. Dalam keadaan sekarang, saya tak lihat rentas negeri sebagai pilihan yang baik," katanya.

Semalam, KKM melaporkan unjuran kadar penularan harian COVID-19 di Malaysia berupaya

susut hingga ke paras bawah 4,000 kes menjelang hujung bulan ini.

Ia berdasarkan unjuran setakat kelmarin yang dikongsikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi akaun Twitter rasminya menunjukkan Rt COVID-19 pada jangkaan mengikut kes harian



Dr Hanafiah Bashirun

pada 13 Jun untuk seluruh negara adalah 0.91.

Beliau berkata, unjuran bawah 4,000 kes itu mampu dicapai sekiranya masyarakat terus patuh kepada SOP dan Rt kurang daripada 0.9.

Sementara itu, jumlah kes baharu harian COVID-19 juga menunjukkan penurunan apabila merekodkan 4,949 kes semalam, berbanding 5,304 kes kelmarin.

Perkembangan itu sekali gus menjadikan angka kumulatif jangkitan di dalam negara berjumlah 662,457 orang.

Pada 25 Mei lalu, kerajaan memutuskan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh di seluruh negara selama dua minggu bermula 1 hingga 14 Jun berikutan kadar jangkitan harian semakin meruncing.

Namun, sekatan pergerakan penuh dilanjutkan dua minggu lagi berkuat kuasa hari ini hingga 28 Jun selepas mengambil kira jumlah kes masih melebihi 5,000 sehari.

## 'Usah terburu-buru longgarkan SOP PKP 3.0'